

17/03/1999

Projek MSC diramal beri keuntungan

Hatipah Ahmad

PROJEK Koridor Raya Multimedia (MSC) masih menerima sambutan baik pelabur antarabangsa malah dijangka menyumbang keuntungan tinggi kepada syarikat yang beroperasi, tahun ini.

Sambutan ini sekali gus menafikan dakwaan sebuah majalah antarabangsa, Business Week terbitan 22 Mac ini bahawa projek MSC tidak berjaya menarik pelabur besar dan ia adalah kegagalan negara serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata sehingga kini, projek MSC terus menerima sambutan dan bertentangan dengan apa yang dilaporkan majalah itu.

Malah, katanya, pihaknya mengunjurkan pendapatan dan keuntungan syarikat yang beroperasi di MSC akan meningkat kepada masing-masing RM4 bilion dan RM600 juta tahun ini, berbanding sebelumnya.

Pada 1998, pendapatan syarikat yang beroperasi di MSC ialah RM2.92 bilion dan keuntungan pula ialah RM52 juta manakala pada 1997 pula, pendapatan ialah RM1.06 bilion dan kerugian RM283 juta.

"Malah, bukan sahaja jumlah syarikat antarabangsa yang berminat dan akan beroperasi di MSC meningkat malah pendapatan serta keuntungan syarikat yang sedia beroperasi juga diunjurkan naik.

"Sehingga 12 Mac lalu, sebanyak 29 syarikat antarabangsa sudah mendapat status MSC dan jumlah ini adalah separuh daripada sasaran sebenar iaitu 50 semuanya, dalam jangka masa yang singkat.

"Ini bermakna, kami yakin dapat menarik semua 50 syarikat antarabangsa menyertai MSC menjelang tahun 2003," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam yang bertujuan memberi penjelasan mengenai perkembangan terbaru di MSC dan penafian terhadap dakwaan majalah Business Week.

Othman berkata, sejak dilancarkan pertengahan 1996 sehingga 12 Mac lalu, sebanyak 203 syarikat sudah mendapat status MSC dan ketika ini, MDC sedang dalam proses menilai sembilan syarikat antarabangsa lain yang berminat menyertai MSC.

Katanya, sebanyak 139 syarikat yang sudah mendapat status MSC dengan pelaburan bernilai RM1.193 bilion akan beroperasi tahun ini, meningkat daripada sebelumnya.

Menurutnya, jumlah permohonan syarikat yang ingin memohon status MSC juga meningkat kepada 275 syarikat sehingga 12 Mac lalu daripada 251 dan 205 masing-masing pada 1998 dan 1997.

(END)